



## **Kejayaan Laman Web Jabatan Insolvency Malaysia (MdI) memperoleh penarafan 5 Bintang.**

Pada 1 Disember 2011 bertempat di Dewan B1 Pusat Konvensyen Antabangsa Putrajaya (PICC), YBhg Ketua Pengarah Insolvency Malaysia telah menerima Sijil Anugerah Penarafan 5 Bintang Laman Web bagi pihak Jabatan Insolvency Malaysia (MdI).

Pihak Seminar Malaysia Government Portals And Websites Assessment (MGPWA) 2011 memaklumkan secara keseluruhannya, penilaian bagi tahun 2011 melibatkan 1,155 portal dan laman web berkaitan perkhidmatan kerajaan seluruh Malaysia.

Penilaian oleh MGPWA telah masuk pada tahun ke enam pada tahun 2011. Laman Web Jabatan Insolvency Malaysia merupakan salah satu dari 285 portal dan laman web yang telah dipilih memenangi Anugerah ini daripada keseluruhan 1,155 portal dan laman web yang dinilai oleh MGPWA 2011.

Tahniah diucapkan kepada warga Jabatan Insolvency Malaysia (MdI) yang telah bekerja secara sepasukan bagi mencapai kejayaan ini, Tahnhiah.

Disediakan oleh:

Seksyen Komunikasi Korporat dan Inovasi

Jabatan Insolvency Malaysia (MdI)